

IMTS catat BND369.1 juta Januari 2017

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mac. - Bagi Januari 2017, Imbangan Perdagangan Brunei Darussalam adalah sebanyak BND369.1 juta.

Jumlah eksport bernilai BND694.9 juta, manakala import bernilai BND325.8 juta.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi tersebut, eksport bahan api galian mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 92.7 peratus dari jumlah eksport, iaitu yang terdiri daripada Minyak Mentah (BND309.7 juta) dan gas cecair asli (LNG) (BND334.8 juta).


Pasaran eksport terbesar adalah

negara Jepun dengan 31.2 peratus daripada jumlah eksport, diikuti oleh Republik Korea (21.6 peratus), India (20.4 peratus) dan Thailand (11.0 peratus).

Pada Januari 2017, import barang meningkat sebanyak 5.2 peratus daripada BND309.6 juta (Disember 2016) menjadi BND325.8 juta.

Manakala, sumbangan import tertinggi mengikut komoditi adalah

Prestasi Perdagangan bagi Negara Brunei Darussalam



Pelajari kaedah proses penyiasatan PDB



PARA penuntut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti Program Diploma Kebangsaan Tertinggi Keadilan Jenayah Syariah bergambar ramai semasa lawatan sambil belajar ke Balai Polis Berakas.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mac. - Seramai 13 mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti Program Diploma Kebangsaan Tertinggi Keadilan Jenayah Syariah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Balai Polis Berakas, Daerah Polis Brunei Muara.

Rombongan diiringi oleh Pegawai Pengguna Balai Polis Temburong, ASP Pengiran Anak Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj, selaku Pensyarah Adjung, tenaga akademik di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA.

Hadir bagi menyampaikan penerangan, Penolong Pengguna Balai

Polis Berakas, Ketua Inspektor (Chief Inspector) Pengiran Khairul Anuar bin Pengiran Haji Salleh.

Antara objektif lawatan sambil belajar diadakan ialah untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada para penuntut melihat sendiri kaedah serta amalan terbaik yang digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dalam menjalankan proses penyiasatan.

Karnival Maritah LLRC Ke-9 tarik ramai pengunjung



ULAR Sawa antara binatang eksotik yang dipamerkan pada Karnival 'Maritah ke Kelab Rekreasi Liang Lumut' (LLRC), Mukim Liang Siri Ke-9.

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

BELAIT, Khamis, 23 Mac. - Karnival 'Maritah ke Kelab Rekreasi Liang Lumut' (LLRC), Mukim Liang Siri Ke-9 diteruskan di hari kedua dan berjaya menarik ramai pengunjung ke karnival tersebut sambil menikmati pelbagai bentuk jualan dan aktiviti.

Antaranya, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah membuat jerayawara yang bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang kesan-kesan dan hukuman-hukuman bagi yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah kepada orang ramai terutamanya kepada remaja dan belia.

Pelita Brunei menemu bual Pegawai Narkotik Kanan II, Cawangan Pencegahan Dadah, BKN, Awang Haji Zulhamzai bin Haji Hamid berkata, jerayawara tersebut dihasratkan akan dapat memberi pengetahuan kepada orang ramai bahawa bahaya penyalahgunaan dadah serta kesan-kesannya dengan berinteraksi dengan pegawai-pegawai BKN.

Di samping membarangkakan taktik-taktik terbaru yang digunakan

oleh sindiket dadah antarabangsa untuk memperdayakan mangsa-mangsa, tambah beliau lagi.

Pada jerayawara tersebut, pihak BKN juga menyebarkan risalah-risalah yang berhubung kait dengan penyalahgunaan dadah kepada orang ramai sebagai rujukan dan garis pandu.

Selain itu Pelita Brunei juga menemu bual Pengurus Bouncercu Company pengendali rumah hantu pada karnival berkenaan, Awang Ade Rozli bin Haji Mohd. Rosdi yang sudah menjalankan aktiviti tersebut selama empat tahun.

Menurut Awang Ade Rozli, sambutan orang ramai sangat menggalakkan walaupun mereka mengenakan sejumlah bayaran, namun orang ramai masih teruja untuk masuk ke rumah hantu.

Selain itu, Pelita Brunei juga menemu bual pemilik 'Kuala Belait Reptiles', Awang Nur Hisyam Khan, mempamerkan beberapa ekor binatang eksotik termasuk ular sawa, Beared Dragon, Tarantula, Iggy, Gecko dan lain-lain.

Pada karnival itu, mereka telah membawa ular sawa albino dan ular sawa biasa yang diberi nama babay

oleh tuannya dan memberi peluang kepada orang ramai untuk bergambar bersama ular-ular berkenaan dengan dikenakan bayaran.

Domestic Cat Lover juga dapat ditemui pada karnival itu, mereka memiliki pelbagai jenis baka kucing seperti Exotic Long Hair, Scottish Straight, American Curl, MaineCoon dan lain-lain.

Sementara pemilik 365 Memories Photobooth, Dayang Rasidah binti Haji Abu Bakar juga berada pada karnival berkenaan, beliau menjelaskan, penyertaan 365 memories photobooth merupakan peluang perniagaan yang berdaya saing secara positif apa lagi mendapat respon yang amat menggalakkan daripada orang ramai walaupun usia perniagaan mereka masih baharu.

Karnival tersebut bertujuan untuk memberi peluang pada penyertaan syarikat-syarikat tempatan, peniaga-peniaga bumiputera, gerai-gerai makanan dan minuman, pakaian, kraf tangan dan bermacam-macam lagi serta menggalakkan penyertaan orang ramai di seluruh Daerah Belait khasnya untuk meluangkan masa bersama keluarga bersempena cuti sekolah.

jentera dan kelengkapan pengangkutan (38.1 peratus), makanan (16.8 peratus), barang-barang keluaran kilang (16.5 peratus), bahan-bahan api galian (10.1 peratus) dan pelbagai barang keluaran kilang (8.1 peratus).

Import bagi barang perantaraan mencatatkan sebanyak 60.6 peratus daripada jumlah import. Ini diikuti oleh import barang modal dan barang penggunaan masing-masing dengan 30.4 peratus dan 9.0 peratus.

Import terbesar adalah dari negara Malaysia sebanyak 17.7 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh

Singapura (17.0 peratus), China (14.5 peratus) dan United Kingdom (12.6 peratus).

Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi Januari 2017 boleh diperoleh melalui laman sesawang JPKE : www.depdp.gov.bn.

Rondaan banteras kegiatan jenayah



RONDAAN yang diketuai oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin, selaku Pengurusi Pengawasan Kejiranan mengendalikan rondaan di salah sebuah kawasan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Khamis, 23 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) terus menjalankan rondaan pencegahan jenayah dengan kerjasama ahli Pengawasan Kejiranan Kampung bagi mencegah dan membanteras berlakunya jenayah di negara ini.

Sehubungan itu, Daerah Polis Temburong malam semalam telah melaksanakan rondaan dengan kerjasama Unit Pengawasan Kejiranan Mainecoon dan Ibu Pejabat

Daerah Polis Temburong bersama ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Labu Estate serta ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Senukoh yang bermula pada jam 9.00 malam.

Rondaan diketuai oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin, selaku Pengurusi Pengawasan Kejiranan, dengan berjalan kaki dan menggunakan kenderaan di kedua-dua buah kampung berkenaan.

Pelajar Kolej CCCT anjur Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar :
Kolej Perdagangan dan Teknologi Kosmopolitan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mac. - Para pelajar Diploma Kebangsaan Tertinggi (BTEC HND) Kolej Perdagangan dan Teknologi Kosmopolitan (CCCT) menganjurkan Kempen Derma Darah, sebagai salah satu daripada tugasan pelajar selain bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap menderma darah.

Sebelum menderma darah, doktor yang bertugas memeriksa terlebih dahulu jika seseorang itu layak untuk menderma darah, di mana berat minimum menderma darah bagi seorang individu adalah 45 kilogram ke atas.

Selaras dengan acara tersebut,

pihak kolej juga menggalakkan setiap pelajarannya untuk mengambil bahagian melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Sementara itu, semasa berlangsung kempen derma darah, para pelajar diploma kolej berkenaan juga membuat pembentangan mengenai kumpulan-kumpulan pelajar keusahawanan yang ada pada masa ini yang memfokuskan mengenai pelbagai jenis produk jualan yang mereka hasilkan.

Pembentangan tersebut adalah salah satu daripada penilaian para pelajar, di samping melatih mereka untuk menjadi para usahawan yang berjaya di masa akan datang.